



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

8.6 JUTA RAKYAT MENERIMA PEMBAYARAN STR FASA 3 MULAI 12 OGOS 2025

Sebagai langkah meringankan beban kos sara hidup isi rumah berpendapatan rendah, Kerajaan MADANI akan menyalurkan **pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 3 mulai 12 Ogos 2025**. Dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion¹, **8.6 juta rakyat** akan menerima bayaran **sehingga RM650 bagi fasa ini**.

Jumlah ini merupakan **peningkatan seramai 300,000** daripada 8.3 juta penerima Fasa 1 pada Januari 2025. Peningkatan ini hasil daripada langkah **Kerajaan MADANI membuka permohonan baharu dan rayuan sepanjang tahun** bagi memastikan bantuan sampai kepada semua yang layak.

“Pembukaan permohonan dan rayuan sepanjang tahun menunjukkan Kerajaan MADANI tidak mengambil enteng amanah yang dipikul untuk meningkatkan maslahat rakyat terbanyak, agar tiada yang tercicir daripada mengecapi limpahan negara,” kata YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

“Lebih daripada bantuan tunai semata-mata, STR memberi suntikan kepada penerima untuk mencapai kebebasan kewangan, agar kita dapat menggapai kesaksamaan yang didambakan dalam Ekonomi MADANI,” tambah beliau.

Pembayaran STR Fasa 3 akan dibuat kepada penerima sedia ada dan penerima baharu yang berdaftar dalam pangkalan data STR melalui pengkreditan ke dalam **akaun bank** atau disalurkan **secara tunai** melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) **secara berperingkat² mengikut kategori kelayakan masing-masing³**.

Sekiranya nama pemohon tiada dalam pangkalan data STR, mereka perlu membuat permohonan bagi membolehkan proses verifikasi mengikut kategori kelayakan STR dimuktamadkan. Soalan lazim (FAQ) dan semakan status kelayakan STR boleh didapati di Portal Rasmi STR, melalui pautan <https://bantuantunai.hasil.gov.my>. Orang awam dinasihatkan agar sentiasa berwaspada terhadap pautan tidak sah yang disebarkan oleh pihak tidak bertanggungjawab bagi mendapatkan maklumat mengenai STR.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

11 Ogos 2025

¹ Sila rujuk Jadual di Lampiran

² Sila rujuk Jadual di Lampiran

³ Sila rujuk Jadual di Lampiran

Lampiran

1. Perbandingan pembayaran STR Fasa 3 tahun 2024 dan 2025 :

	STR 2024	STR 2025
Kategori Penerima	RM bilion	RM bilion
Isi Rumah ($\leq$ RM2,500)	1.1 bilion	1.0 bilion
Isi Rumah (RM2,501-RM5,000)	0.2 bilion	0.2 bilion
Warga Emas Tiada Pasangan	0.2 bilion	0.2 bilion
Bujang	0.2 bilion	0.6 bilion
JUMLAH	RM1.7 bilion	RM2.0 bilion

2. Pembayaran STR Fasa 3 disalurkan secara berperingkat:

Jenis Penerima	Tarikh Pembayaran	Kaedah Pembayaran
Mempunyai akaun bank	Mulai 12 Ogos 2025 (Selasa)	Dikreditkan terus ke dalam akaun bank.
Tiada akaun bank (termasuk di Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan)		Pembayaran secara tunai melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN).

3. Pembayaran STR Fasa 3 mengikut kategori kelayakan:

Kategori Penerima	Kadar Bayaran STR Fasa 3
Isi Rumah ($\leq$ RM2,500)	RM150 - RM650
Isi Rumah (RM2,501-RM5,000)	RM150 - RM300
Warga Emas Tiada Pasangan	RM150
Bujang	RM150

¹ Sila rujuk Jadual di Lampiran

² Sila rujuk Jadual di Lampiran

³ Sila rujuk Jadual di Lampiran